



Imam Muda Muhammad Asyraf
Bin Mohd Ridzuan,

(Jabatan SARJANA MUDA USUL & RIQH,
UNIVERSITI MALAYA)

Robohkan Sempadan Pemisah Anak

Remaja dan Ibu Bapa

Saya seorang ibu kepada lima orang anak. Masalah saya di sini adalah, salah seorang anak remaja saya yang berusia 17 tahun lebih gemar menyepikan diri dan berkurung di dalam bilik sahaja. Dia kurang bergaul dengan rakan sebaya malah jarang berkomunikasi bersama adik beradiknya yang lain. Sikap pendiam dan suka berkurung ini bermula sejak dia menjejakkan kaki ke alam persekolahan peringkat menengah. Saya dan suami cukup bimbang sekiranya ada kemungkinan dia menghadapi masalah seperti kes buli di sekolah, ataupun sebenarnya melakukan perkara yang tidak baik ketika bersendirian di biliknya.

Untuk pengetahuan ustaz, anak-anak mempunyai kemudahan telefon bimbit masing-masing dan boleh mengakses internet melalui telefon bimbit masing-masing. Naluri keibuan sering mengatakan tidak mustahil sekiranya anak-anak terlibat di dalam benda-benda yang tidak elok. Saya ingin meminta pandangan pihak ustaz tentang bagaimanakah cara terbaik untuk saya dan suami member teguran kepadanya agar dia tidak merasa terasing dan bersifat terbuka untuk meluahkan rasa dan masalahnya pada kami. Saya bimbang jika dibiarkan, lama-kelamaan jurang kemesraan keluarga semakin pudar. Terima kasih.

Fatimah Al Zahra, Kempas, Johor.

Assalamualaikum sidang pembaca yang dirahmati Allah sekalian. Usia remaja adalah peralihan dari alam kanak-kanak ke alam remaja sememangnya mempunyai cabaran yang besar dan berat bagi seorang manusia. Bagaimanapun ramai manusia yang berjaya melakukannya apabila mereka menggabungkan serta mendekatkan diri dengan masyarakat. Maka difahami dalam ilmu jiwa atau psikologi bahawa masyarakat adalah pembantu dan sumber kekuatan manusia untuk melalui kehidupan. Masyarakat adalah pelindung dan pembekal bagi manusia menghadapi cabaran kehidupan atau sebahagian menganggapnya perjalanan hidup.

Sebagai pendidik kita perlu memahami setiap anak didik sedang berjuang untuk meneruskan kehidupan. Maka di sini pendidik akan berperanan sebagai pembantu dan pendorong bagi mereka. Jika kita menganggap mereka sedang melalui perjalanan hidup maka kita hanya akan memerhati, berkomentar dan menemani mereka. Ini benar untuk peringkat awal usia. Kita baru mahu mengenai anak yang baru lahir itu dan memerhatikan perkembangannya. Setelah dia di awal usia baligh maka dia sudah menjadi pejuang kehidupan.

Isu kedua, masyarakat sekeliling juga boleh menjadi ancaman kepada peribadi. Sebab itulah memilih persekitaran sangat penting dalam pendidikan, kerana itu jugalah Rasulullah S.A.W. disarankan Allan kepada Bani Saad pada peringkat awal agar ia jauh dari hambatan nafsu masyarakat bandar yang menembati Mekah.

Masyarakat sekolah menengah dan sekolah rendah sangat berbeza. Inilah turning point besar yang berlaku pada remaja kerana mereka mesti berhadapan dengan kawan baharu, guru baru, pembimbing baru dan paling ketara sedang kehilangan rakan karib lama. Maka masyarakat yang kekal dengannya hanyalah keluarga.

Masalah yang puan ajukan adalah lebih rumit kerana anak puan sedang membina kurungan jiwa pada dirinya sendiri. Yang membendung dia daripada kekuatan sejati yang dia ada. Sebagai seorang tabib dia perlu meyakinkan pesakit itu sedang sakit dan memujuknya untuk dirawat sebelum memulakan rawatan.

Jadi apabila berhadapan dengan remaja begini, fokuskan pada tebing yang alibina. Robohkan tebing itu. Robohkan peralihan-lahan kerana sebalik itu ada hati kekasih kita yang perlu kita selamatkan. Takut nanti dinding roban kekasih kita मत dihempap runtuhlah itu. Maka perioriti kita melakukan sedikit pemerhatian dan kajian pada sikap anak kita. Cari titik kelemahan tempok itu untuk kita musnahkan. Di sini mengenal anak adalah kekuatan kita. Makanan kegemaran, hobi, topik perbincangan dan segala yang menambat hatinya untuk dia juga membantu kita merobohkan dinding kita.

Bila dinding ini dirobahkan dalam proses itu juga komunikasi perlu dibina, mungkin ia bermula dengan komunikasi satu hala. Lama kelamaan ia akan bersahut. Setiap sahutan itu perlu dihargai. Antara masalah masyarakat kita adalah dalam menghargai kejayaan anak didik. Kita selalu anggap kejayaan mereka kecil kerana kita bandingkan dengan orang lain. Sedangkan ia satu progres besar yang telah dia usahakan dalam dirinya.

Anak puan akan kembali ke pangkuan puan tidak sekarang, nanti dan sodolan puan ini adalah bukti puan sedang berusaha. Tetapi yang paling penting adalah bagaimana kita menyambut keperluan mereka. Apakah dengan kerangan manis pada mereka atau sebagai pengalaman ngeri. Maka kita harus dan mesti menjadi imej-imej bahagi dalam kerangan anak didik kita. Jika kita belum melukis imej itu sebelum ini mulailah sekarang. Tidak pernah tarantap mereka yang telah bermula. Semoga Allah membantu kita semua.